

KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
16 JUN 2019 (AHAD)			
1.	<u>Sisa toksik punca penghuni Pangsapuri Kinrara Mas jatuh sakit?</u>	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita
2.	<u>Spike in respiratory illness, diarrhoea worry residents near illegal dump</u>	Free Malaysia Today	Klik pada tajuk berita
3.	<u>Jabatan Kimia nafi dakwaan sampel air dari sungai lain</u>	Astro Awani	Klik pada tajuk berita
4.	<u>Sampel air dari pelbagai lokasi di Kampung Kuala Koh - Jabatan Kimia</u>	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita
5.	<u>Sampel air diambil di enam lokasi perkampungan Kuala Koh</u>	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita
6.	<u>'Pinda perlembagaan, henti pembalakan, lombong di kg Orang Asli'</u>	Malaysiakini	Klik pada tajuk berita
7.	<u>Orang Asli Kuala Koh: Nafi dakwaan sampel air dari sungai lain</u>	Kosmo	Klik pada tajuk berita
8.	<u>Kuala Koh: Jab Kimia nafi ambil sampel air dari sungai lain</u>	Malaysiakini	Klik pada tajuk berita
9.	<u>Bantuan bukan hanya wang</u>	Harian Metro	Klik pada tajuk berita
10.	<u>Arrears paid but no power for 3 S'kan villages</u>	Daily Express	Klik pada tajuk berita



11.	<u>Gesa panggil wakil negara</u>	Harian Metro	Rujuk lampiran 1
15 JUN 2019 (SABTU)			
12.	<u>Another 132 containers of waste</u>	New Straits Times	Klik pada tajuk berita
13.	<u>Norwegian Embassy participated in Circular Economy Conference in Malaysia</u>	ScandAsia.com	Klik pada tajuk berita
14.	<u>Gempa bumi sederhana landa Laut Banda, Indonesia</u>	Kosmo	Klik pada tajuk berita
15.	<u>Gempa bumi sederhana landa laut banda</u>	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita
16.	<u>MNA to survey safety of telco towers</u>	The Borneo Post	Klik pada tajuk berita
17.	<u>M'sian Nuclear Agency to work with S'wak authorities to monitor telco tower RF emissions</u>	The Star	Klik pada tajuk berita
18.	<u>Dept, Agencies told to assist Orang Asli</u>	New Straits Times	Rujuk lampiran 2
19.	<u>Another 132 Containers of Waste</u>	New Straits Times	Rujuk lampiran 3
20.	<u>Ladang, lombong tiada kaitan – TPM</u>	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 4
21.	<u>Kematian Orang Asli Kuala Koh isu nasional</u>	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 5
22.	<u>No answers yet for Bateq deaths</u>	The Star	Rujuk lampiran 6
23.	<u>Kem PLKN jadi pusat pemindahan sementara</u>	Berita Harian	Rujuk lampiran 7



24.	<u>Fenomena Baharu</u>	Harian Metro	Rujuk lampiran 8
-----	-------------------------------	--------------	------------------

TEMPATAN

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
16 JUN 2019 (AHAD)			
25.	<u>Orang Asli mula pulang ke Kuala Koh</u>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
26.	<u>Orang Asli Bateq nekad kembali ke 'gound zero'</u>	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita
27.	<u>S'ngor larang ambil straw plastik sesuka hati di kaunter</u>	Malaysiakini	Klik pada tajuk berita
28.	<u>Selangor larang penyedut minuman plastik</u>	Harian Metro	Klik pada tajuk berita
29.	<u>Penyedut minuman plastik atas permintaan mulai 1 Julai</u>	Kosmo	Klik pada tajuk berita
30.	<u>Sasar jadi hab E&E walau perang teknologi AS-China meningkat</u>	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita
31.	<u>Kerajaan dicadang tubuh jawatankuasa khas tangani isu alam sekitar</u>	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita
32.	<u>Banjir di Membakut pulih, PPS ditutup</u>	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita
33.	<u>Sebahagian mangsa banjir dibenarkan pulang</u>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
34.	<u>Monyet buat onar</u>	Harian Metro	Klik pada tajuk berita



35.	<u>3 Kampung Tenggelam</u>	Harian Metro	Rujuk lampiran 9
15 JUN 2019 (SABTU)			
36.	<u>Hanya 10 peratus kediaman bertingkat asing sisa pepejal</u>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
37.	<u>Mangsa banjir di Membakut terus meningkat, 100 mangsa dipindahkan</u>	Astro Awani	Klik pada tajuk berita
38.	<u>Mangsa banjir di Membakut meningkat</u>	Harian Metro	Klik pada tajuk berita
39.	<u>Mangsa banjir di Membakut terus meningkat, 100 mangsa dipindahkan</u>	Astro Awani	Klik pada tajuk berita
40.	<u>Lima keluarga terperangkap banjir kilat diselamatkan</u>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
41.	<u>Contohi TNB selesai aduan pantas, telus</u>	Berita Harian	Rujuk lampiran 10
42.	<u>132 lagi kontena sisa plastik diterima NBCT</u>	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 11
43.	<u>Manfaat peluang pertukaran teknologi</u>	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 12
44.	<u>Kanada tak cadang terima semula sisa plastik di Malaysia</u>	Berita Harian	Rujuk lampiran 13
45.	<u>Kontena bahan buangan masuk ke Pulau Pinang bertambah</u>	Berita Harian	Rujuk lampiran 14
46.	<u>KANADA TAK MINAT</u>	Harian Metro	Rujuk lampiran 15
47.	<u>Di Lembah Terbuang</u>	Harian Metro	Rujuk lampiran 16



ANTARABANGSA

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
16 JUN 2019 (AHAD)			
48.	<u>Gempa bumi 7.4 gegar utara NZ</u>	Harian Metro	Klik pada tajuk berita
49.	<u>Jakarta returns 5 containers of waste to the US</u>	New Sunday Times	Rujuk lampiran 17
50.	<u>61 korban banjir di China</u>	Berita Harian	Rujuk lampiran 18
51.	<u>Jakarta pulang sampah ke Amerika</u>	Berita Harian	Rujuk lampiran 19
52.	<u>Indonesia serah balik sampah AS</u>	Mingguan Malaysia	Rujuk lampiran 20
53.	<u>Pancaran 'Superflares' matahari ancam bumi</u>	Berita Harian	Rujuk lampiran 21
54.	<u>Planet Musytari kini paling dekat dengan Bumi, boleh dilihat dengan jelas</u>	Harian Metro	Rujuk lampiran 22
55.	<u>Who will be the first women on the moon?</u>	New Sunday Times	Rujuk lampiran 23
15 JUN 2019 (SABTU)			
56.	<u>Scrap Collector: Trudeau announces Canadian ban on single-use plastics</u>	WasteDive	Klik pada tajuk berita
57.	<u>Suhu cecah 68 Celsius di Kuwait</u>	Berita Harian	Rujuk lampiran 24
58.	<u>Tiada pelan ambil sisa dari Malaysia</u>	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 25

LAMPIRAN 1
 HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 14
 TARIKH: 16 JUN 2019 (AHAD)

GESA PANGGIL WAKIL NEGARA

■ Bincang penyelesaian isu lambakan sisa plastik di negara ini

Amir Abd Hamid
 amir_hamid@-
 mediaprima.com.my

Kuala Lumpur

Kerajaan digesa memanggil duta negara asing yang terbabit dalam pengeksportan sisa pepejal ke Malaysia untuk berbincang penyelesaian isu lambakan sisa plastik di negara ini.

Presiden Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (PEKA), Puan Sri Datin Shariffa Sabrina Syed Akil berkata, wakil negara itu perlu dibawa melihat sendiri kerosakan akibat sisa mereka dilambakkan di sini.

Sebagai contoh, katanya, Duta Kanada di Malaysia perlu diajak melihat bukti bahawa mereka hantar sam-

pah bertoksik bukan sisa pepejal boleh kitar semula seperti yang tertakluk dalam perjanjian.

"Dari situ Malaysia boleh fikirkan langkah selanjutnya perundingan antara kerajaan dengan kerajaan (G2G).

"Ia susulan hujung bulan lalu kerajaan Malaysia memutuskan mahu memulangkan semula 3,000 tan sisa plastik ke 14 negara asal termasuk Kanada, Amerika Syarikat, Jepun, Perancis, Australia dan Britain.

"Sebab sepatutnya sebagai negara yang sudah maju dan bertamadun, mereka tidak boleh membuang sampah ke negara membangun," katanya.

Beliau mengulas laporan muka depan Harian Metro semalam berhubung pendirian Kanada tiada perancangan menerima semula sisa plastiknya di Malaysia.

Bagaimanapun, katanya, punca utama krisis sampah import di negara ini sekarang adalah pemberian Permit Import (AP) sisa plastik.

"Kesalahan tidak boleh diletakkan 100 peratus di atas Kanada atau mana-mana negara pun. Salah langkah kita pula boleh disaman.

"Negara itu ikut dokumen sudah ditandatangani iaftu akan hantar sampahnya kepada negara yang sudah bersetuju mengambil kontena sampah mereka.

"Dokumen ditandatangani yang membolehkan sampah itu dieksport melepasi perairan sempadan Malaysia. Siapa yang tandatangan? Siapa yang bagi AP? Itu patutnya kita salahkan dan dibawa ke muka pengadilan," katanya.

Sementara itu, peguam dan juga aktivis pertubuhan



“Sebagai negara maju, mereka tidak boleh buang sampah ke negara membangun”
 Shariffa Sabrina Syed Akil

bukan kerajaan (NGO) Tindakan Alam Sekitar Kuala Langat, CK Lee berkata, bu-

kan mudah memulangkan sampah plastik import ke negara asal.

Beliau berpandangan Malaysia mungkin terpaksa melupuskan sampah import sedia ada itu secara bersendirian.

"Ini adalah pengajaran terbesar untuk kita. Selepas ini janganlah lagi import sampah.

"Banyak lagi kilang pemprosesan sisa pepejal yang beroperasi secara haram di seluruh negara, banteraslah habis-habisan.

"Kelompok kecil saja yang mendapat laba, manakala ramai orang mendapat bala dengan wujudnya industri ini," katanya.

Daerah Kuala Langat, Selangor dilaporkan antara terjejas teruk menjadi lokasi pembuangan sisa plastik import.

Menteri Tenaga, Sains,

Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin sebelum ini dilaporkan berkata, mahu memastikan semua kontena berisi sisa pepejal yang tiada permit dihantar semula ke negara asal.

United Kingdom, Jepun, China, Sepanyol, Kanada, Australia, Belanda, Jerman, Arab Saudi, Singapura, Bangladesh, Norway, Amerika Syarikat dan Perancis adalah antara negara yang mengeksport sisa pepejal ke negara ini dengan menjadikan Malaysia dan beberapa negara membangun lain sebagai tong sampah.

Fenomena itu semakin meruncing tahun lalu selepas China menutup pintu untuk menerima kemasukan sisa pepejal ke negara berkenaan menyebabkan Malaysia kini menjadi tumpuan.

LAMPIRAN 2
NEW STRAITS TIMES (NATION/NEWS): MUKA SURAT 13
TARIKH: 15 JUN 2019 (SABTU)

'PRESSURED BY MODERNISATION, POVERTY'

DEPT, AGENCIES TOLD TO ASSIST ORANG ASLI

Problems faced by tribal community must be addressed immediately, says DPM

ROSLI ZAKARIA AND SHARIFAH MAHSINAH ABDULLAH
GUA MUSANG news@nst.com.my

D EPUTY Prime Minister Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail has directed the Orang Asli Development Department (Jakoa) and other agencies to take measures to help the wellbeing and health of the Orang Asli community. She said the Orang Asli was faced with problems that needed to be addressed immediately. "They (the Orang Asli) are hunter-gatherers, but their roaming areas are shrinking. They are faced with low sources of protein. On top of that, they are being pressured by modernisation and poverty. "Their immunity to viral diseases and chronic ailments is also

suspect. Outsiders may spread diseases unfamiliar to the tribes," she said after a briefing by the National Disaster Management Agency (Nadma) following the recent deaths of 12 Batek Orang Asli tribesmen in Kuala Koh. Dr Wan Azizah spent time meeting 10 families of the deceased and presented food donated by various agencies to them. Present were Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, Minister in the Prime Minister's Department Senator P. Waytha Moorthy and Kelantan police chief Datuk Hasanuddin Hassan. According to Dr Wan Azizah, the government would compensate the families of the deceased. "We will speed up the process of compensating the victims," she said. "Meanwhile, those who wish to donate can contribute food items, mineral water, slippers and survival kits." Dr Wan Azizah said the relevant agencies, including the State Department of Environment, had taken samples from rivers in Kuala Koh, and early findings showed that the water quality was unrelated to the deaths.



Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail checking the food items that will be distributed to the families of the deceased Orang Asli tribesmen in Gua Musang yesterday. PIC BY FATHIL ASRI

"The Health Ministry is investigating the root cause of the deaths. The laboratory results are expected to be available soon," she added. Meanwhile, Hasanuddin said police had classified the deaths of the eight victims, including four females, as "sudden death". He said the actual cause of the deaths would be conclusive only after the results from the Forensics Department have been submitted. Hasanuddin said more than 200 officers, including 173 policemen, were involved in the operation codenamed "Op Batek", which started on Wednesday. The team, divided into three groups, had so far discovered eight bodies and skeletal remains of the Orang Asli tribesmen between 600m and 6km away from the operation centre. They were identified as Mek Nab Tebu, 63, Jais Keladi, 55, Laila Hamdan, 20, Safia Papan, 18, Fayah Papan, 19, Din Hamdan,

18, Mohd Salleh Khaizan, 1, and Jelika Jong, whose age had yet to be ascertained. Police are continuing their search for the remaining eight tribesmen, including those who were buried on the other side of Sungai Lebir. Meanwhile, Jakoa has pledged to give more attention to the Batek tribe in Kuala Koh here, especially with regards to their basic needs. Its director-general, Professor Dr Juli Edo, said this would be done after the pneumonia outbreak, which had caused 14 deaths, is brought under control. He acknowledged the poor conditions the tribesmen lived in was due to their limited economic resources. "For now, we have not yet discussed plans for the Orang Asli in Kuala Koh because the case is being handled by Nadma. "Nadma will identify problems faced by the villagers. Thereafter, we will mobilise the development

plan. We will discuss with Nadma on providing the villagers with clean water supply. But I believe the state government has already been doing that," he said when met at the Gua Musang Hospital yesterday. Dr Juli added that Jakoa had formulated a development plan for the Orang Asli community nationwide. He said the plan was ready, but had to be put on hold following problems faced by villagers. "We are waiting for the right time to implement initiatives under the plan, including providing clean water supply, which is the priority. "Over the long term, we are looking at implementing water dam projects for the benefit of the Orang Asli community. "We will look into everything including maintaining existing treated clean water facilities," he said. **Additional reporting by Mohd Zulkifli Zainuddin and Raml Ibrahim**

LAMPIRAN 3
 NEW STRAITS TIMES (NATION/NEWS): MUKA SURAT 14
 TARIKH: 15 JUN 2019 (SABTU)

QUERY OVER BAN'S EFFECTIVENESS

ANOTHER 132 CONTAINERS OF WASTE

This brings total to 397 containers of plastic waste, says Penang Customs

AUDREY DERMAWAN
 AND BALVIN KAUR
BUTTERWORTH
 news@nst.com.my

THE Penang Customs Department yesterday revealed that 132 more containers filled with plastic waste from foreign countries were found at the North Butterworth Container Terminal (NBCT).

Its director Datuk Saidi Ismail said this brought the total number of such containers to 397.

He added that each 12.19m container carried a maximum payload of 28 tonnes. The total

amount of plastic waste was estimated at 11,116 tonnes.

Late last month, Saidi said 265 containers with plastic waste had been stranded at NBCT since January, incurring RM5 million in port charges.

He said the waste materials were imported by 11 companies under false codes and without approved permits (APs).

On Monday, state Environment Committee chairman Phee Boon Poh said the Penang Government had been instructed by the **Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change Ministry** to send the 265 containers back to their country of origin.

He added that the state would be negotiating with the companies on freight charges, cost of returning and the assurance that the plastic waste would not be dumped into the ocean.

Of the 397 containers, the majority came from Hong Kong (94),



Penang Customs Department director Datuk Saidi Ismail says legal action has been taken against 11 companies that imported the plastic waste. PIC BY DANIAL SAAD

the United States (68), Germany (28) and Canada (20).

Saidi said legal action, including issuing compounds of RM1,000 per container, had been taken against the 11 companies.

With at least five containers filled with "clean" plastics, with APs, arriving at the Penang port on a daily basis, Saidi questioned the effectiveness of the plastic waste ban.

In October last year, the Housing and Local Government Ministry declared a permanent ban on the import of plastic waste.

Phee expressed shock on Canada's refusal to take back plastic waste from Malaysia, especially when it was willing to take it back from the Philippines.

Phee said he had given due respect to the Canadian representatives by not inviting members of the media during a visit to show the condition of the containers and its content at NBCT on Tuesday.

"At the federal level, the ministers are dealing with the issue. When they give this kind of statement, the Canadian government is not showing any respect to Malaysia, especially Penang. We are prepared to meet them, but the statement is irresponsible."

Phee said it was morally wrong of Canada, a signatory of the Basel Convention, to deny responsibility.

LAMPIRAN 4
 UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 4
 TARIKH: 15 JUN 2019 (SABTU)

Ladang, lombong tiada kaitan - TPM

Oleh ZAAIN ZIN
 dan AIMUNI TUAN LAH
 pengarang@utusan.com.my

■ GUA MUSANG 14 JUN

KRISIS kesihatan membatikan penularan penyakit radang paru-paru dalam kalangan penduduk Orang Asli suku kaum Batek di Kampung Kuala Koh, di sini bukan berpunca daripada aktiviti perladangan atau perlombongan di situ.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail berkata, keputusan analisis dikeluarkan **Jabatan Kimia** semalam mendapati sumber air di kawasan itu secara keseluruhan mematuhi standard kualiti air minum kebangsaan bagi air mentah.

Malah kata beliau, satu lagi keputusan terbaharu diterimanya pagi ini mendapati tiada pencemaran daripada sisa ladang kelapa sawit menerusi penggunaan racun serangga perosak atau racun rumpai.

"**Jabatan Alam Sekitar** turut mengesahkan tidak terdapat sebarang kejadian pelepasan sisa dari perlombongan mangan di Aring 10 yang terletak tiga kilometer dari perkampungan Orang Asli Kuala Koh," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Terdahulu, Dr. Wan Azizah mendengar taklimat tertutup serta menyampaikan sumbangan kepada masyarakat Orang Asli suku Batek di Pusat Operasi Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) di Dewan Fel-da Aring 10 di sini hari ini.



DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL menyampaikan bekalan makanan kepada penduduk Orang Asli Kuala Koh di Gua Musang, semalam. Turut hadir Saifuddin Nasution Ismail. - BERNAMA

Yang turut hadir, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator P. Waytha Moorthy dan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr. Xavier Jayakumar.

Timbalan Perdana Menteri dalam pada itu memberi jaminan bahawa Kementerian Kesihatan akan berusaha mengesan *trigger point* (faktor pencetus) sebenar kepada penularan penyakit tersebut yang boleh disifatkan sebagai fenomena baharu terhadap masyarakat Orang Asli di situ.

Tidak menolak kemungkinan perkara itu berpotensi menjadi wabak, beliau berkata, langkah menghadkan pergerakan ke-

luar penduduk tempatan dan orang luar yang keluar masuk di kawasan terjejas telah dilakukan bagi membendung penularan penyakit tersebut.

"Orang Asli diketahui mempunyai daya ketahanan yang kurang terhadap penyakit seperti ini tapi mereka sudah lama begitu. Apa sebenarnya yang mencetuskan radang paru-paru ini, kita belum kenal pasti.

"Setakat ini, (ujian) tibi negatif, air kencing tikus negatif, mikroorganisma seperti parasit negatif. Tinggal (ujian) virus (belum) dan ini susah sikit, ia mengambil masa agak lama. Biar yang pakar siasat dahulu. Saya fikir mungkin dalam masa dua tiga hari lagi," katanya.

LAMPIRAN 5 UTUSAN MALAYSIA (RENCANA): MUKA SURAT 14 TARIKH: 15 JUN 2019 (SABTU)

Kematian Orang Asli Kuala Koh isu nasional



**Mohd. Hasmadi
Ismail**

BILANGAN Orang Asli di Semenanjung Malaysia sehingga tahun 2018 dianggarkan seramai 178,000 orang. Sejak kematian pertama lelaki Orang Asli pada 29 Mei 2019 berhampiran Lombong Biji Aring 11, Gua Musang angka itu meningkat kepada 14 orang hampir sebulan lalu. Ini amat menyedihkan.

Dianggarkan terdapat 186 orang daripada masyarakat Asli kaum Batek berada di Kuala Koh. Pelbagai andaian dilaporkan mengenai kematian Orang Asli kaum Batek ini sama ada berpunca dari bahan kimia atau pun mikroorganisma di dalam air. Namun apa jua andaian punca dan sebab tragedi ini berlaku perlu disiasat dengan segera.

Kita tidak perlu membuat andaian atau menuding jari kepada mana-mana pihak. Penyiasatan secara menyeluruh perlu dilakukan untuk menilai kesan aktiviti pembalakan dan perlombongan berhampiran perkampungan Orang Asli ini bukan sahaja kepada kelestarian alam sekitar tetapi kehidupan mereka di situ.

Satu jawatankuasa siasatan perlu ditubuhkan di peringkat kementerian dan jabatan yang berkaitan iaitu Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa) mendapatkan punca sebenar musibah ini berlaku serta membuat laporan dan cadangan penyelesaian.

Ia perlu melibatkan sama kumpulan profesional dan pemegang taruh serta pemimpin komuniti di kawasan terlibat. Akta yang



MASYARAKAT Orang Asli kaum Batek ini masih mengamalkan kehidupan berpindah-randah tetapi sekarang sudah ada yang tidak atau pun separuh nomad. - UTUSAN/SAIFUL BAHARI ASHARI

berkaitan juga boleh dirujuk seperti Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Pindaan 1985) dan perlu dilihat sama ada aktiviti tersebut memerlukan kepada kesan penilaian alam sekitar (EIA) kerana beroperasi di kawasan berdekatan atau pun boleh memberi kesan yang menjejaskan alam sekitar dan kehidupan masyarakat sekeliling.

Jika ada pelanggaran syarat dan peraturan yang telah ditetapkan tindakan yang tegas perlu dikenakan ke atas syarikat yang beroperasi di situ.

Perlombongan bijih besi dan pembalakan merupakan aktiviti yang terdapat di kawasan ini. Namun dilaporkan lombong ini beroperasi secara haram setelah lesennya tamat pada 2017 oleh Kerajaan Pusat. Dipercayai pencemaran air bukit dan anak sungai Lebir dekat Kampung Kuala Koh berpunca daripada aktiviti



Pihak berkuasa perlu mengambil tindakan yang tegas dalam isu penguatkuasaan undang-undang terhadap salah laku dan ketidakpatuhan aktiviti perlombongan dan pembalakan yang merosakkan alam sekitar dan sumber air.

perlombongan ini. Sementara pembalakan pula dilakukan tidak mengikut prosedur operasi yang standard (SOP).

Berdasarkan tinjauan, didapati operasi pembalakan menyebabkan saliran air sungai tersekat, bertakung dan mendapan lumpur berlaku akibat kesan hakisan. Kawasan

penampungan sungai juga tidak dipatuhi. Kedua-dua aktiviti ini boleh memberi kesan kepada pencemaran sumber air yang digunakan oleh Orang Asli ini jika tidak dikawal dan dipantau oleh pihak berwajib.

Pihak berkuasa perlu mengambil tindakan yang tegas dalam isu penguatkuasaan undang-undang terhadap salah laku dan ketidakpatuhan aktiviti perlombongan dan pembalakan yang merosakkan alam sekitar dan sumber air.

Kerajaan juga disyorkan agar mengkaji dasar-dasar alam sekitar berhubung dengan aktiviti yang dilaksanakan di dalam hutan terutama berkaitan dengan Orang Asli dan masyarakat setempat.

Denda yang dikenakan pada masa ini di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 ialah sebanyak RM500,000 maksimum dan penjara

maksimum lima tahun. Walaupun kedengaran ianya seperti banyak tetapi kerosakan alam sekitar atau pencemaran yang berlaku boleh mencapai kos berjuta-juta ringgit dan masa yang lama untuk dipulihkan.

Impaknya pula menjejaskan kehidupan orang ramai. Kegagalan pihak berkuasa melaksanakan tugas penguatkuasaan juga sering dipersoalkan. Penguatkuasaan perlu dibuat secara berkala dan mengejut untuk memastikan syarikat mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Undang-undang yang berkaitan dengan Orang Asli termaktub di dalam Akta 134 (Akta Orang Asli 1954 (Disemak-1974)). Akta ini digubal dan diluluskan untuk peruntukan perlindungan kesejahteraan dan kemajuan Orang Asli di Semenanjung Malaysia.

Masyarakat Orang Asli kaum Batek ini masih mengamalkan kehidupan berpindah randah tetapi sekarang sudah ada yang tidak atau pun separuh nomad. Kesedaran pendidikan dan pengurusan alam sekitar perlu diperhebatkan. Tragedi di Kuala Koh, Gua Musang ini boleh berlaku di tempat lain juga jika kita tidak sedar betapa pentingnya memelihara ekosistem alam sekitar yang menjadi tempat tinggal dan sumber rezeki kebanyakan masyarakat Orang Asli.

Kita mengharapkan tragedi ini menjadi pengajaran kepada kita semua dan masyarakat Orang Asli yang terlibat mendapat pembelajaran yang sewajarnya.

PROF. MADYA DR. MOHD. HASMADI ISMAIL ialah Pensyarah Jabatan Pengurusan Hutan, Fakulti Perhutanan, Universiti Putra Malaysia (UPM)

LAMPIRAN 6
THE STAR (NATION): MUKA SURAT 12
TARIKH: 15 JUN 2019 (SABTU)

No answers yet for Bateq deaths

Mysterious illness leaves Orang Asli settlement desperate for explanations



Senseless tragedy: Som, standing outside the operations centre near the Bateq settlement in Kuala Koh, wants to know what disease took away her husband and three children.

By JO TIMBUONG
jo.timbuong@thestar.com.my

GUA MUSANG: She lost her husband and three adult children to a mysterious disease. Yet, there is no closure for Som Yai, who is still searching for answers.

"I don't know what has befallen me. I've never seen something like this before," said the Bateq grandmother who lives in Kuala Koh, the settlement that has been infected by the illness.

The yet-to-be identified disease has taken 14 lives and sent over 100 more to hospital.

One of her children was son Romi Hamdan whose body was exhumed for a second post-mortem on Thursday after the first one showed that he had died of pneumonia.

"I cried when I saw his grave and when I saw authorities exhuming it again," she said.

"My daughters also died before they could get help."

As for her husband, he became paralysed before he died.

Som, who has four other children and many grandchildren, said she had a hunch that the deaths had something to do with the water there.

"When we don't have water, we will use whatever we can get, including run-offs from an oil palm plantation.

"We use it for everything, including washing," she said.

Another tribe member Mamat Ong is also hoping for answers after his wife and son were stricken by the disease.

"They say it is from the water but we can't be sure.

“ I cried when I saw his grave and when I saw authorities exhuming it again. My daughters also died before they could get help.

Romi Hamdan

"But we want answers soon," said Mamat. He said his family members were responding well to medical treatment.

The deaths have become more puzzling after tests by the Department of Environment on water samples found near a manganese mine and Orang Asli water catchments in Kuala Koh was found to be free of contaminants and chemicals such as pesticide and herbicide.

Meanwhile, the entrance to the village remains closed to the public as search and recovery teams continue to trace four more Bateq resting places.

Eight out of the 12 graves have so far been found since the search started on Wednesday.

State police chief Deputy Comm Datuk Hasanuddin Hassan said police are working to bring out the remains of Puja Joh, who died on June 6 and was given customary last rites.

Her remains will be sent for a second post-mortem after the first revealed that she had died of pneumonia.

LAMPIRAN 7
BERITA HARIAN: MUKA SURAT 2
TARIKH: 15 JUN 2019 (SABTU)

KEMATIAN ORANG ASLI KUALA KOH

Kem PLKN jadi pusat pemindahan sementara

➔ Penempatan 50 suku Batek selepas rawatan di hospital

Oleh Nor Fazlina
Abdul Rahim dan
Mohd Zulkifli Zainuddin
bhnews@nstp.com.my

▪ Gua Musang

Kem Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) Etnobotani di sini, dijadikan pusat pemindahan sementara penduduk Orang Asli suku Batek dari Kuala Koh yang selesai mendapatkan rawatan di hospital.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, berkata dianggarkan 50 Orang Asli ditempatkan di pusat pemindahan itu yang mampu menampung 400 orang.

Beliau berkata, buat masa ini, situasi kebajikan Orang Asli Kuala Koh terkawal, namun orang awam tidak dibenarkan masuk ke penempatan terbabit, termasuk menyampaikan sumbangan selepas polis mengisytiharkan kawasan itu zon merah.

"Kerajaan faham keprihatinan masyarakat dan pertubuhan bu- kan kerajaan (NGO) untuk mem-

bantu, namun atas faktor keselamatan mereka tidak dibenarkan menyalurkan sendiri bantuan," katanya selepas meninjau dan mendengar taklimat di pusat operasi FELDA Aring, di sini semalam.

Dr Wan Azizah berkata, orang ramai boleh menyalurkan bantuan melalui Pusat Pengumpulan Bantuan Awam, Pusat Kawalan Tempat Kejadian (PKTK) FELDA Aring 10 atau Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Gua Musang.

"Antara barang keperluan disarankan dan boleh disumbang, termasuk makanan mentah, minuman bersih, kit kebersihan, selimut, kain pelikat, selipar serta ubat kulit," katanya yang juga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Pertimbang pampasan

Mengenai pampasan kepada keluarga penduduk yang meninggal dunia, beliau berkata, ia akan dipertimbangkan, manakala bantuan lain seperti pendidikan kesihatan, kaunseling diberikan kepada penduduk dan petugas bagi mengurangkan te-

kanan dan keresahan.

Sementara itu, Dr Wan Azizah berkata, ujian sampel air diambil Jabatan Alam Sekitar (JAS) berdekatan lombong bijih mangan dan tadahan air bukit di Kuala Koh yang dikeluarkan Jabatan Kimia, mendapati kualitinya mematuhi Standard Kualiti Air Minum Kebangsaan bagi air mentah.

Sehubungan itu, katanya, Kementerian Kesihatan masih giat menjalankan siasatan dan ujian makmal bagi mengenal pasti punca utama jangkitan penyakit yang menyebabkan 14 penduduk Orang Asli di situ meninggal dunia.

"Siasatan JAS mengesahkan tiada pelepasan sisa dari lombong mangan di FELDA Aring 10 yang terletak tiga kilometer dari kampung Orang Asli Kuala Koh. Justeru, Kementerian Kesihatan masih giat menjalankan siasatan dan ujian makmal bagi mengenal pasti punca utama jangkitan penyakit.

"Keputusan ujian makmal dijangka diperoleh tiga hari selepas mengambil sampel ujian daripada mangsa yang sakit dan meninggal dunia. Keadaan sedikit sulit kerana

jenazah dikuburkan mengikut adat mereka, mayat diletakkan di atas pokok dan ada yang jatuh dilarikan binatang buas," katanya.

Mangan adalah logam bersifat rapuh, warna kelabu keputih-putihan serta digunakan dalam perusahaan membuat keluli, kaca dan produk berkaitan.

Dr Wan Azizah berkata, pelbagai agensi kerajaan perlu mengenal pasti punca kematian kerana apa yang berlaku tidak pernah melanda penempatan Orang Asli sebelum ini sehingga membabitkan kematian mendadak.

Sampel dikaji untuk kenal pasti virus

"Hasil pemeriksaan Kementerian Kesihatan terhadap Orang Asli yang meninggal dunia dan menerima rawatan mendapati mereka negatif tibi, kencing tikus serta parasit.

Mungkin virus itu yang belum dikenal pasti sudah merebak dalam kehidupan budaya mereka sejak sekian lama," katanya.

Sementara itu, Pengarah Kesihatan Kelantan, Dr Zaini Hussin,

berkata sampel daripada mangsa yang meninggal dunia dan dirawat sudah dihantar ke Jabatan Kimia, Institut Penyelidikan Perubatan di Kuala Lumpur; Makmal Kesihatan Sungai Buloh serta Makmal Kesihatan Awam di Kota Bharu.

"Ia untuk mengenal pasti punca dan jenis virus yang menyebabkan 14 kematian itu. Penyakit dikatakan misteri ini tidak akan menjadi misteri lagi kerana kita akan tunggu keputusan dari makmal Institut Penyelidikan Perubatan Sungai Buloh dalam masa dua hari," katanya.

Secara keseluruhan, beliau yang ditemui media semalam, berkata keadaan wabak yang menyerang penduduk buat masa ini menunjukkan aliran penurunan dan pesakit juga semakin sembuh.

Ketika ini, katanya, 49 penduduk masih dirawat di Hospital Gua Musang dan Hospital Kuala Krai (HKK) serta lima di Unit Rawatan Rapi (ICU) membabitkan seorang di Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZII) dan empat lagi di HKK.



Dr Wan Azizah menyampaikan sumbangan kepada wakil Orang Asli Kuala Koh di FELDA Aring 10, Gua Musang, semalam.

(FOTO SYAMSI SUHAIMI/7BH)

LAMPIRAN 8
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 10
TARIKH: 15 JUN 2019 (SABTU)



DR Wan Azizah menyerahkan sumbangan kepada wakil Orang Asli di Felda Aring 10, Gua Musang, semalam.

FENOMENA BAHARU

Punca kematian mendadak 14 Orang Asli Bat tidak boleh dikaitkan pencemaran Sungai Lebi



Muhamadz Razis Ismail razis@nstp.com.my

Gua Musang

Kematian 14 Orang Asli Batek di Kampung Kuala Koh di sini, tidak boleh dikaitkan dengan pencemaran akibat perlombongan bijih manganese yang terletak berhampiran. Ia susulan keputusan ujian sampel air yang dikeluarkan Jabatan Kimia pada 12 Jun lalu, secara keseluruhannya mendapati kawasan persampelan iaitu Sungai Lebir, tidak tercemar.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata, keputusan itu juga menunjukkan tiada pencemaran sisa kelapa sawit, pestisid dan herbisid selain Sungai Lebir mematuhi Standard Kualiti Air Minum Kebangsaan Bagi Air Mentah. "Siasatan yang dijalankan Jabatan Alam Sekitar (JAS) juga mendapati tiada sebarang pelepasan sisa dan perlombongan manganese (bijih keluli) di Felda Aring 10 yang terletak tiga kilometre dari perkampungan Orang Asli Kuala Koh," katanya. Beliau berkata demikian ketika ditemui media selepas meninjau dan mendengar taklimat tertutup di Pusat Operasi Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADM) di Dewan Felda Aring 10 di sini, semalam. Mengulas lanjut Dr Wan Azizah berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang glat menjalankan siasatan dan ujian makmal bagi

menganal pasti punca jangkitan ke atas Orang Asli itu. "Mereka sedang berusaha untuk cari punca, sebab ini adalah satu fenomena baharu yang tidak pernah melanda Orang Asli membabitkan jumlah kematian mendadak dan kita dapati mereka memang ada masalah kronik sejak beberapa tahun lalu. "Apakah yang menyebabkan penyakit ini tercetus sehingga menyebabkan kematian? Keputusan ujian makmal (terhadap penularan penyakit ini) dijangka akan diperoleh dalam masa terdekat. "Ujian diambil daripada pesakit, yang meninggal dunia ini juga alami sedikit kesukulan kerana ada sesetengahnya dikebuni ikut budaya yang sesetengahnya diletak di atas pokok jatuh dan dilarikan binatang buas," katanya. Menurutnya, setakat ini, pemeriksaan KKM terhadap Orang Asli yang meninggal

dunia dan menerima rawatan mendapati negatif tibi, kencing tikus, parasit. "Mungkin virus berkenaan merebak dalam kehidupan mereka sejak sekian lama," katanya. Dr Wan Azizah yang juga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berkata, selain rawatan kesihatan, kerajaan juga memberikan kaunseling kepada keluarga mangsa dan petugas bagi mengurangkan keresahan. Terdahulu, beliau menyampaikan sumbangan kepada masyarakat Orang Asli suku Batek yang terjejas dengan penularan penyakit tersebut. Hadir sama Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Saifuddin Nasution, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Senator P Waytha Moorthy dan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli Dr Xavier Jayakumar.



JURACHELWABI menunggang bantuan barangan keperluan dan makanan yang akan diagihkan kepada masyarakat Orang Asli Batek, semalam.

Pindah Orang Asli ke Kem Etnobotani

Gua Musang: Semua Orang Asli dari perkampungan Kuala Koh di sini yang bebas jangkitan penyakit akan ditempatkan di Kem Pusat Latihan Khidmat Negara Etnobotani di sini. Kem itu dibuka sebagai pusat pemindahan sementara (PPS) untuk mereka yang diserang penyakit dikaitkan radang paru-paru hingga menyebabkan 14 kematian sejak bulan lalu. Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata, pusat itu boleh mampu menampung 400 orang. "Namun, kami anggarakan penempatan Orang Asli di pusat pemindahan sementara ini ialah 50 orang. Pengerakan mereka perlu dikawal kerana (keputusan) siasatan penyakit belum dikeluarkan. "Selain daripada pendidikan kesihatan, sesi kaunseling juga diberikan kepada penduduk dan petugas bagi mengurangkan tekanan dan keresahan. "Kerajaan memahami keprihatinan masyarakat dan badan bukan kerajaan (NGO) untuk membantu meringankan beban keluarga Orang Asli, namun atas

faktor keselamatan, mereka tidak dibenarkan menyalurkan sendiri bantuan itu," katanya kepada media selepas meninjau dan mendengar taklimat tertutup di Pusat Operasi Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADM) di Dewan Felda Aring 10 di sini, semalam. Dr Wan Azizah yang juga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berkata, kebajikan Orang Asli suku Batek itu terpelihara, namun orang awam tidak dibenarkan menghampiri kawasan itu. "Pihak Kerajaan akan menyalurkan bantuan. Antara barang keperluan yang boleh disumbangkan orang awam dan NGO termasuk air mineral, selimut, ketip kuku dan ubat kuku selain kit kesihatan," katanya. Menurutnya, sumbangan boleh dihantar kepada Pejabat Kebajikan Masyarakat Gua Musang dan pusat pengumpulan bantuan di kawasan operasi. Ditanya sama ada pampasan akan diberikan kepada keluarga Orang Asli yang meninggal dunia, beliau berkata, perkara itu akan dipertimbangkan.



ORANG Asli Batek menggunakan peralatan untuk bagi memastikan tidak terpengaruh penyakit.

LAMPIRAN 8 (SAMB.)
 HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 11
 TARIKH: 15 JUN 2019 (SABTU)



FOTO: SYAMSI SUHAIMI

**3 hari pujuk waris
 tunjuk kubur**

Gua Musang: Bukan mudah untuk memujuk Orang Asli suku Batek menunjukkan kubur ahli keluarga mereka yang sudah meninggal dunia, apatah lagi membenarkan ia di-usik selepas disemadikan mengikut adat.

Disebabkan itu, Guru Agama Islam Orang Asli, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), Mohd Fadzli Mamok yang menjadi perantara antara etnik itu dan pihak berkuasa, mengambil masa tiga hari untuk urusan itu.

“Tiga hari berturut-turut saya terpaksa berulang-alik ke Kuala Koh dari rumah saya di (Felda) Aring 5 untuk pujuk keluarga Orang Asli Batek tunjuk lokasi 12 mayat yang dikedubikan secara adat.

“Sehinggalah mereka setuju untuk beri kerjasama dan maklumkan kepada pihak berkuasa di mana kubur atas pokok itu.

“Saya juga cakap pada mereka, orang Islam perlu melakukan pengebumian cara Islam (dan) akhirnya mereka bersetuju. Mereka memang Islam tapi masih terlalu terikat dengan adat,” katanya ketika



“ Saya juga cakap pada mereka, orang Islam perlu melakukan pengebumian cara Islam (dan) akhirnya mereka bersetuju”

Mohd Fadzli ditemui di Felda Aring 10 sini semalam. Dia juga yakin, urusan mengesan kubur itu selesai dalam masa terdekat dan berharap dapat merungkai segera punca serangan penyakit penduduk itu.

Gua Musang

Puja jalani bedah siasat kedua

Polis sudah membawa keluar empat mayat Orang Asli Batek dari Kuala Koh di sini, termasuk seorang daripadanya yang perlu menjalani bedah siasat kedua.

Tiga mayat yang dikedubikan mengikut adat etnik itu ditemui pihak berkuasa pada Rabu lalu dan dibawa ke Hospital Gua Musang (HGM) pada jam 6 petang semalam.

Identiti mereka dikenal pasti Din Hamdan, 18, Safia Papan, 18 dan Fayah Papan, 19, yang didakwa meninggal dunia pada antara 20 hingga 22 Mei lalu.

Sementara, mayat Orang Asli yang perlu menjalani bedah siasat kedua adalah Puja Jong, 21, yang sebelum ini dilaporkan meninggal dunia kerana radang paru-paru.

Mayatnya dibawa ke HGM pada jam 1 tengah hari semalam.

Ketua Polis Daerah Gua Musang Superintenden



MOHD Taufik berkata, buat masa ini semua mayat dihantar ke HGM dan urusan membawa keluar dilakukan bersama pasukan pegawai penyiasat dan pakar patologi. “Mayat yang dibawa keluar ini adalah sebahagian daripada lapan yang ditemui pasukan pencari sejak operasi dijalankan pada Rabu lalu,” katanya.



Gua Musang

‘Hanya Tuhan sahaja yang tahu perasaan saya’

Isteri bekas Tok Batin suku Batek ini kelihatan tenang, namun trauma dihadapi apabila melihat empat insan kesayangan meninggal dunia terlalu sukar untuk diterjemahkannya.

Som Ngai, 50, kehilangan suami, Hamdan Keladi dan tiga anak mereka, Laila, Romi dan Din yang berusia 18 hingga 20-an selepas disefang penyakit yang dikaitkan dengan radang paru-paru.

Mereka meninggal dunia sejak awal bulan lalu dimulai Hamdan diikuti Laila dan Romi yang maut pada hari sama dan diakhiri Din.

“Seluruh badan melepuh dan kepanasan, mengadu sakit kepala, muntah teruk, tidak mampu makan sehingga badan kurus kering.

“Suami yang juga bekas tok batin mula-mula

“Seluruh badan melepuh dan kepanasan, mengadu sakit kepala, muntah teruk, tidak mampu makan sehingga badan kurus kering”

Som Ngai

berkeadaan demikian, malah dua minggu dia begitu sebelum meninggal dunia.

“Saya tidak mampu buat apa-apa pun, malah ubat sapu dan minum juga tidak mampu beri untuk meredakan kesakitan dan mereka hanya terbaring sahaja,” kata Som ketika ditemui di Felda Aring 10 di sini, semalam.

Menurutnya, mengingat kejadian berkenaan sangat memilukan hati, malah dia

sukar tidur lena kerana bimbang penyakit misteri itu menjangkiti dia dan empat lagi anak lain.

“Hanya Tuhan sahaja yang tahu perasaan saya apabila melihat empat orang kesayangan meninggal dunia di depan mata tanpa mampu berbuat apa-apa. Masih terbayang lagi kesakitan mereka tanggung.

“Suami meninggal dunia dahulu, beberapa hari kemudian Laila pada jam 8 pagi dan Romi pada jam 4 petang hari sama. Empat hari kemudian pula Din,” katanya.

Akhbar sebelum ini melaporkan Orang Asli Batek di Kuala Koh, di sini diserang penyakit misteri hingga menyebabkan 14 kematian dengan dua orang meninggal dunia disahkan akibat radang paru-paru.



LAMPIRAN 9
 HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 15
 TARIKH: 16 JUN 2019 (AHAD)



ANGGOTA bomba menggunakan bot bagi memindahkan mangsa banjir di tiga perkampungan di Bestari Jaya dan Sungai Buloh.

3 KAMPUNG TENGGELEM

■ 102 penduduk pindah banjir kilat dinihari

Iqhran Ahmad
 am@hmetro.com.my

Kuala Selangor

Ratusan penduduk di tiga kampung dekat Bestari Jaya dan daerah ini, yang lena tidur terkejut sebaik menyedari banjir melanda dan menenggelamkan kawasan rumah sedalam 1.5 meter.

Seramai 102 mangsa dari Kampung Seri Sentosa dan Kampung Aman di Bestari Jaya serta Kampung Merbau Indah dipindahkan susulan banjir sekitar jam 4 pagi semalam.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) Selangor Norazam Khamis berkata, pihaknya menerima laporan penduduk berhubung bencana alam itu jam 4.37 pagi.

Katanya, sepasukan 21 anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Bestari Jaya dan BBP Sungai Buloh dihantar ke lokasi bagi membantu penduduk.

"Kami membantu mangsa berpindah menggunakan bot selepas beberapa rumah dinaiki air mencecah 1.5 meter.

"Seramai 102 mangsa daripada 28 keluarga dipindahkan dan ditempatkan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Dewan Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) Desa Coalfield, di sini," katanya.

Beliau berkata, kejadian banjir dipercayai berlaku akibat hujan lebat di kawasan ber-

kenaan yang turut menyebabkan air sungai berdekatan melimpah ke kawasan penempatan penduduk.

FAKTA

Air naik sedalam 1.5 meter selepas hujan lebat

LAMPIRAN 10
BERITA HARIAN (MINDA PENGARANG): MUKA SURAT 10
TARIKH: 15 JUN 2019 (SABTU)

Contohi TNB selesai aduan pantas, telus

Syabas kepada pengurusan Tenaga Nasional Bhd (TNB) kerana berjaya menyelesaikan 15,000 aduan pemegang akaun susulan peningkatan mendadak tarif elektrik dalam bil pelanggan kediaman pada Mei lalu.

Kejayaan menyelesaikan aduan dengan pantas dan telus ini harus dijadikan contoh oleh syarikat utiliti lain bagi meyakinkan pengguna. TNB sebelum ini mengakui ada gangguan dalam sistem mereka pada 15 Mei hingga 20 Mei lalu menyebabkan segelintir pengguna menerima bil tinggi.

Isu teknikal ini memberi kesan kepada sistem pengebilan TNB, tetapi kepantasan pihak pengurusan menanganinya, melegakan pelanggan yang sudah faham permasalahan dihadapi itu setelah dimaklumkan terlebih dahulu.

LAMPIRAN 11
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 21
TARIKH: 15 JUN 2019 (SABTU)

132 lagi kontena sisa plastik diterima NBCT

Oleh MOHD. KHUZAIRI ISMAIL
pengarang@utusan.com.my

■ BUTTERWORTH 14 JUN

SEBANYAK 132 lagi kontena baharu yang berisi bahan sisa plastik yang tidak mempunyai permit import (AP) serta tidak dituntut diterima di Terminal Kontena Butterworth Utara (NBCT) di sini sejak 1 Jun lalu sehingga semalam.

Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) negeri,

Datuk Saidi Ismail berkata, jumlah itu menjadikan keseluruhan sebanyak 397 kontena bahan sisa plastik masih tersadai di terminal berkenaan setakat ini.

Tambah beliau, daripada jumlah itu juga, sebanyak 116 kontena telah dibuka kertas siasatan kerana tiada AP; 155 kontena telah diikrar dan belum diserahkan kepada penguat kuasa manakala 126 kontena lagi belum diikrar dengan kastam.

“Sehubungan itu, kita masih menunggu syarikat terbabit

untuk mengemukakan AP bagi menuntut kontena-kontena ini dan dikenakan kompaun, tetapi sehingga kini kita belum menerima sebarang permohonan daripada mana-mana syarikat,” katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Dalam pada itu, Saidi mendedahkan, ketika ini pihaknya masih menerima kemasukan sekurang-kurangnya lima buah kontena berisi plastik menerusi terminal itu setiap hari.

Bagaimanapun, jelasnya,

kontena itu mengandungi plastik bersih dan mempunyai permit AP untuk dibawa masuk bagi kegunaan pelbagai industri.

Mengulas lanjut katanya, antara negara asal plastik berkenaan adalah Hong Kong iaitu sebanyak 94 kontena, Amerika Syarikat (68), Jerman (28), Kanada (20), Jepun (14), Finland (12), Greece (12), Australia (11), Sepanyol (lima), Chile (tiga) serta masing-masing dua dari New Zealand dan Perancis.

LAMPIRAN 12
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 20
TARIKH: 15 JUN 2019 (SABTU)

Manfaat peluang pertukaran teknologi

PUTRAJAYA 14 Jun - Golongan pelajar digesa memanfaatkan peluang dengan menyerap semua ilmu pertukaran teknologi yang wujud dalam industri.

Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malik berkata, peluang itu termasuk pengalaman menggunakan reka bentuk perisian *integrated circuit* (IC) standard industri.

Menurut beliau, kini adalah masa bagi pelajar untuk meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah.

"Sistem pendidikan global telah menjalani perubahan-perubahan pesat dan kini, kita sedang memasuki revolusi Industri Keempat (Industri 4.0).


"Ini menekankan pendidikan kelas digital, Internet of Things (IoT) serta Sains, Teknologi, Agama, Kejuruteraan, Seni dan Matematik (STREAM)," katanya ketika berucap dalam majlis Pelancaran Program Latihan Industri MOE-Intel di sini hari ini.

"Ini menekankan pendidikan kelas digital, Internet of Things (IoT) serta Sains, Teknologi, Agama, Kejuruteraan, Seni dan Matematik (STREAM)."

MASZLEE MALIK

Inisiatif melibatkan 100 pelajar ijazah sarjana muda dari enam buah universiti awam itu merupakan program latihan industri selama 10 minggu yang dijadualkan bermula dari 24 Jun hingga 30 Ogos ini di Intel Malaysia.

Objektif program ini adalah untuk memberikan pendedahan kepada 100 orang pelajar terpilih menggunakan perisian reka bentuk cip.



DR. MASZLEE MALIK menyampaikan sijil penghargaan kepada peserta sempena majlis Pelancaran Program Latihan Industri Kementerian Pendidikan di Putrajaya, semalam.

LAMPIRAN 13
BERITA HARIAN (ISU): MUKA SURAT 14
TARIKH: 15 JUN 2019 (SABTU)

Kanada tak cadang terima semula sisa plastik di Malaysia

➔ Ottawa dakwa tidak terima sebarang maklumat penghantaran

► Toronto

Kanada tidak bercadang menerima semula sisa plastik yang datang dari negara itu dan kini ditinggalkan di Malaysia, kata jurucakap Kementerian Alam Sekitar Kanada, kelmarin.

Lewat Mei lalu, kerajaan Malaysia menegaskan akan menghantar balik 3,000 tan sisa plastik ke 14 negara asal, termasuk Ka-

nada, Amerika Syarikat, Jepun, Perancis, Australia dan Britain.

Dalam kenyataan yang diemelkan kepada *REUTERS*, jurucakap Alam Sekitar dan Perubahan Iklim Kanada, Gabrielle Lamontagne, berkata: "Kerajaan di Ottawa tidak bercadang mengutip balik sisa buangan di Malaysia."

Tak terima maklumat

Beliau menambah, Kanada tidak menerima sebarang maklumat mengenai penghantaran sisa buangan dari negara itu ke Malaysia dan berkata kementerian sudah menghubungi Malaysia untuk mendapatkan butiran lanjut.

Sisa buangan luar muncul sebagai punca ketegangan diplomatik sejak beberapa bulan lalu di Asia Tenggara.

Filipina memanggil balik



Kerajaan di Ottawa tidak bercadang mengutip balik sisa buangan di Malaysia"

Gabrielle Lamontagne,
Jurucakap Alam Sekitar dan
Perubahan Iklim Kanada

diplomatnya ke Kanada Mei lalu berhubung dakwaan pembuangan sisa dari Kanada yang tidak dikembalikan ke negara itu menjelang tarikh akhir.

Kerajaan Kanada mencapai persetujuan bulan lalu dengan Manila untuk mengambil semula bahan buangan yang dijangka akan tiba di negara itu lewat bulan ini. **REUTERS**



LAMPIRAN 14
 BERITA HARIAN (ISU): MUKA SURAT 14
 TARIKH: 15 JUN 2019 (SABTU)

Kontena bahan buangan masuk ke Pulau Pinang bertambah



Ratusan kontena yang mengandungi sisa plastik dibawa masuk dari beberapa negara maju termasuk Jerman, Amerika Syarikat dan Perancis di Terminal Kontena Butterworth Utara (NBCT) di Butterworth.

Butterworth: Sebanyak 132 kontena mengandungi sisa plastik dan sampah yang dibawa masuk menerusi Pulau Pinang sejak awal bulan ini masih tersadai di Pelabuhan Kontena Butterworth Utara (NBCT) di sini.

Sebelum ini, sebanyak 265 kontena yang juga mengandungi sisa plastik dan sampah tersadai di pelabuhan sama sejak Januari lalu.

Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) negeri, Datuk Saidi Ismail, berkata pihaknya mendapati berlaku pertambahan kemasukan kontena mengandungi sisa

plastik dan sampah ke negeri itu.

"Pertambahan berkenaan menjadikan jumlah keseluruhan 367 kontena tersadai dan belum diikrar serta memiliki Lesen Import (AP).

"Sebanyak 116 daripada kontena itu sudah dibuka kertas siasatan, selain kompaun dikenakan kepada 11 syarikat yang terbabit dengan masalah itu," katanya pada sidang media, di sini, semalam.

Bawa muatan plastik

Difahamkan, setiap kontena sepanjang 16 meter yang membawa

muatan plastik dan sisa sampah sehingga 28 tan, diimport di bawah kod palsu dan tiada AP.

Modus operandi pihak pembawa masuk kontena mengandungi sisa sampah dan plastik kotor itu adalah mengisytiharkannya sebagai barangan lain seperti bahan kitar semula dan plastik bersih untuk kegunaan industri.

Saidi berkata, pemeriksaan pihaknya turut mendapati kebanyakan kontena itu dari Kanada, Belgium, Jerman serta Amerika Syarikat, mengandungi plastik kotor dan sisa sampah yang diimport

sebagai bahan kitar semula.

"Tindakan membiarkan sisa plastik dan sampah tersadai menyebabkan kerajaan terpaksa menanggung caj pelabuhan mencecah jutaan ringgit.

"Setiap hari, kita menjalankan pemeriksaan ke atas lima kontena mengandungi sisa plastik bersih yang memiliki AP. Pemeriksaan dilakukan bagi memastikan ia tidak mengandungi bahan tidak sepatutnya," katanya.

Sementara itu, Saidi berkata pihaknya merampas 3.71 juta batang rokok seludup bernilai RM296,952

dalam dua serbuan berasingan kelmarin dan Selasa lalu.

Dalam operasi jam 3 pagi kelmarin, seorang lelaki berusia 40-an turut ditahan di Kilometer 267 Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) dekat Ipoh, Perak apabila JKDM negeri menemui rokok putih ketika memeriksa lori 10 tan yang dipandu suspek.

Siasatan mendapati lori itu yang membawa tiga juta batang rokok seludup bernilai RM240,000 dalam perjalanan dari selatan untuk memasarkan rokok terbabit di negeri di wilayah utara.

LAMPIRAN 15
 HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 1
 TARIKH: 15 JUN 2019 (SABTU)





LAMPIRAN 15 (SAMB.)
 HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 2
 TARIKH: 15 JUN 2019 (SABTU)



Reuters
 am@mediaprima.com.my

Toronto

Ottawa tiada perancangan semula untuk menerima semula sisa plastik dari negara itu yang disimpan di Malaysia, kata jurucakap Kementerian Alam Sekitar Kanada.

Hujung bulan lalu, kerajaan Malaysia berkata ia akan menghantar semula 3,000 tan sisa plastik ke 14 negara asal termasuk Kanada, Amerika Syarikat, Jepun, Perancis, Australia dan Britain.

Dalam kenyataan yang dihantar melalui e-mel kepada Reuters, jurucakap Kementerian Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Gabrielle Lamontagne berkata: "Tiada perancangan untuk kerajaan Kanada menerima semula sisa yang berada di Malaysia."

Menurutnya, Kanada tidak menerima sebarang maklumat mengenai penghantaran sisa plastik dari Kanada ke Malaysia dan berkata Kementerian berkenaan kini cuba mendapatkan butiran lanjut daripada Malaysia.

Tiada maklumat mengenai

MAHU BUTIRAN LANJUT

Ottawa tiada perancangan terima semula sisa plastik disimpan di Malaysia

KRONOLOGI

- China dilaporkan mengimport dua pertiga sisa plastik dunia - 2016
- China umum larangan import 24 jenis sisa pepejal termasuk sampah plastik, kertas dan tekstil - 20 Julai 2017
- Larangan China dikuatkuasakan sebabkan 111 juta tan metrik sisa plastik dipindahkan ke lokasi pelupusan sampah lain menjelang 2030 - Disember 2017
- Pemain industri beralih ke negara Asia Tenggara khususnya Malaysia - Januari 2018
- Lebih 1.8 juta metrik tan sisa plastik 33 negara dihantar ke Malaysia sejak 2015 - Julai 2018
- Malaysia hentikan lesen import (AP) sampah plastik - Oktober 2018
- 62 syarikat pegang lesen sah import sisa plastik di bawah kod 3915 selepas permohonan AP dibuka semula - Oktober 2018
- Malaysia tempat kelapan pencemaran laut akibat sisa plastik selepas China dan Indonesia - Januari 2019
- Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin mengarahkan 60 kontena sisa plastik dihantar semula ke negara asal - Mei 2016



KONTENA membawa sisa buangan luar negara tersadai di pelabuhan di Malaysia

berapa banyak daripada sisa plastik berkenaan berasal dari Kanada.

Sisa buangan dari negara asing menjadi isu yang mencetuskan ketegangan diplomasi sejak beberapa bulan lalu di Asia Tenggara.

Filipina memanggil pulang diplomatnya di Kanada pada Mei lalu berhubung sisa bu-

angan isi rumah yang dilupuskan secara haram dari negara itu yang tidak dihantar pulang ke Kanada menjelang tarikh ditetapkan.

Kerajaan Kanada bulan lalu mencapai persetujuan dengan Manila untuk mengambill semula sisa buangan isi rumah terbabit yang dijang-

ka sampai ke Kanada lewat

bulan ini.

Awal minggu ini, Kanada mengumumkan perancangan untuk mengharamkan plastik kegunaan tunggal seperti straw, beg dan kut-

leri pada awal 2021 untuk mengurangkan sisa tidak boleh dikitar semula seteru-

nya melindungi lautan. - Reuters

Butterworth: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Pulau Pinang mendedahkan 132 kontena yang mengandungi sisa plastik dan sampah dibawa masuk ke negeri itu serta dikesan masih tersadai di Pelabuhan Kontena Butterworth Utara (NCBT).

Pengarah Kastam Pulau Pinang Datuk Saidi Ismail berkata, semua kontena itu dibawa masuk ke pelabuhan itu sejak 1 Jun lalu dan belum disyitiharkan serta tidak memiliki Lesen Import (AP).

"Setiap kontena yang panjang 40 kaki itu membawa muatan plastik dan sisa sampah sehingga 28 tan dan sejak Januari lalu dan sehingga kelmarin, sebanyak 397 kontena mengandungi bahan berkenaan masih tersadai di NCBT," katanya.

Pada 30 Mei lalu, JKDM Pulau Pinang mendedahkan 265 kontena mengandungi sisa sampah dibawa masuk ke negeri itu dan dikesan masih tersadai di pelabuhan

132.kontena tersadai di NCBT

sejak Januari lalu. Pemeriksaan kastam mendapati kebanyakan kontena itu dari Kanada, Belgium, Jerman serta Amerika Syarikat dan ia diimport sebagai bahan kitar semula, namun sepenarnya mengandungi plastik kotor serta sisa sampah.

Saidi berkata, berikutan itu, kerajaan terpaksa menanggung jumlah ringgit caj pelabuhan dan siasatan awal mendapati 132 kontena itu diimport oleh 11 syarikat di bawah kod palsu dan AP.

"Syarikat-syarikat itu mengisytihar barangan lain

seperti bahan kitar semula dan plastik bersih untuk kegunaan industri, namun pemeriksaan kami mendapati ia adalah sisa sampah serta plastik kotor," katanya.

Beliau berkata, 116 daripada 367 kontena itu dibuka kertas siasatan dan pihaknya turut mengenai kompaun kepada 11 syarikat.

Menurutnya, pihaknya mengenal pasti 94 kontena itu dibawa masuk dari Hong Kong, Amerika Syarikat (68), Jerman (14), Finland (12), Greece (12), Australia (11), Sepanyol (11), Chile (tiga) dan dua kontena masing-masing dari New Zealand dan Perancis. - BERNAMA



Jumlah semakin bertambah

Butterworth: Jumlah kontena sampah plastik yang tersadai di Terminal Kontena Butterworth Utara (NBCT) semakin bertambah selepas terdapat kemasukan kontena baharu dari negara luar.

Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Pulau Pinang Datuk Saidi Ismail berkata, terdapat pertambahan 132 kontena yang diimport masuk melalui NBCT sejak 1 Januari lalu.

Katanya, semua kontena itu dibawa

masuk ke pelabuhan berkenaan sejak 1 Jun lalu dan masih belum dikitar serta tidak memiliki Lesen Import (AP).

"Kontena itu membawa muatan plastik serta sisa sampah sehingga 28 tan. Sehingga semalam (kelmarin), sebanyak 397 kontena mengandungi bahan berkenaan masih tersadai di NCBT," katanya.

Sebelum ini, Harian Metro pernah melaporkan sebanyak 265 kontena mengandungi sisa sampah dibawa masuk ke negeri ini dan masih tersadai di NBCT.



RATUSAN kontena di NBCT di Butterworth

LAMPIRAN 15 (SAMB.)
 HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 3
 TARIKH: 15 JUN 2019 (SABTU)



UGUT BUANG SISA DALAM LAUT

Kanada kecut perut tindakan tegas Filipina pulang balik sampah ke negara asal

KRISIS SAMPAH IMPORT
 Amir Abd Hamid dan Ekhwani Haque Fauzul Haque am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

'Perang sampah' bukan saja isu hangat di Malaysia, malah Filipina antara negara yang bertegas tiada tempat bagi sisa pepejal tercemar di ne-

gara berkenaan sehingga negara pengeksport diarah mengambil semula sisa berkenaan.
 Beberapa portal berita antarabangsa dan Filipina melaporkan Kanada akhirnya akur dengan desakan Filipina dan mengambil semula 69 kontena berisi sampah dan sisa pepejal yang didaftarkan di negara berkenaan sejak 2013 hingga 2014.
 Memetik laporan portal berita The Guardian, kerajaan Kanada menghantar kapal MV Bavaria untuk mengambil semula sampah berkenaan di Pelabuhan Subic, Filipina sebelum dijangka mengambil masa 20 hari untuk tiba di Vancouver, Ka-

nada menerusi Taiwan.
 Pengurus Pelabuhan Subic, Wilma Eisma mengesahkan 69 kontena berisi sampah itu dinaikkan ke atas MV Bavaria sebelum belayar ke pelabuhan di Vancouver.
 Tahun lalu, Filipina memenangi tuntutan terhadap Kanada supaya bertanggungjawab terhadap sampah yang dibawa masuk ke negara berkenaan, namun tiada sebarang tindakan terhadap tuntutan itu oleh Kanada.
 Presiden Filipina Rodrigo Duterte mendesak kerajaan negara itu mengambil semula sampah atau Filipina mengangkut dan membuang sampah berkenaan di per-

airan Kanada.
 "Kerajaan Filipina mengambil pulang duta dan konsulnya di Kanada selepas Ottawa gagal mematuhi arahan itu sehingga tamat tarikh akhir pada 15 Mei lalu," kata laporan itu.
 Portal berita Filipina, Rappler turut melaporkan MV Bavaria tiba di pelabuhan Subic pada 30 Mei lalu sebelum operasi mengangkat kontena berisi sampah Kanada dan selesai sepenuhnya pagi sehari kemudian.
 Kanada akur dengan desakan Filipina selepas beberapa protes dilakukan aktivis alam sekitar tempatan di luar Kedutaan Kanada di negara berkenaan yang menuntut

SAMPAH plastik yang dihantar ke Malaysia.

sampah dari negara berkenaan dibawa keluar secepat mungkin.
 "Dua kontena dibawa dari Terminal Kontena Antarabangsa Manila, manakala 67 kontena lagi berada di Terminal Antarabangsa Perbadanan Pelabuhan Subic," kata laporan itu.
 Sementara itu, portal berita Huffpost melaporkan Setiausaha Luar Filipina Teddy Locsin berkata, kerajaan Kanada mengeluarkan RM4.75 juta (\$1.14 juta) untuk membawa pulang semua sampah berkenaan menerusi sebuah syarikat logistik gergasi.
 Kata Teddy, untuk tempoh 2013 hingga 2014, 103 kontena dengan berat 2,500 tan

dibawa masuk dari Kanada namun pihak berkuasa Kastam negara berkenaan mengesan sebahagiannya diisytihar sebagai plastik kitar semula, namun pemeriksaan mendapati ia dipenuhi sampah isi rumah, peralatan elektronik termasuk lampin.
 "Sebanyak 34 daripada jumlah itu dilupuskan selepas menerima kecaman daripada kumpulan alam sekitar tempatan," katanya.
 Aktivitis menerusi Gabungan EcoWaste dan RightOnCanada dalam kenyataannya menganggap penghantaran semula sampah ke Kanada adalah kemenangan terhadap undang-undang moral dan alam sekitar.



KONTENA mengandungi sisa plastik dari negara Jepun, Australia, Amerika Syarikat, Bangladesh, Canada, China, U.K, Arab Saudi yang dihantar semula di Pelabuhan Barat.



SIKAP HARIAN METRO



LAMPIRAN 16
HARIAN METRO (SPEKTRUM): MUKA SURAT 40
TARIKH: 15 JUN 2019 (SABTU)

DI LEMBAH TERBUANG




**SPEKTRUM BERSAMA
KHAIRULL AZRY BIDIN**





Sejak hampir 30 tahun lalu, pemandangan kanak-kanak serta orang dewasa yang berlari-lari mengejar lori sampah di tapak pelupusan sampah di Sandakan bukan perkara luar biasa. Hasil barangan terbuang yang dikutip tanpa mengira ketika panas terik atau hujan lebat ini dijual pada harga 40 sen sekilogram dan dengan hasil itulah mereka meneruskan kelangsungan hidup.

Pengutip bahan terbuang ini seolah-olah berada di dunia sendiri dan mereka sentiasa berada di lokasi ini sebagai usaha mencari rezeki. Selepas sekian lama seolah-olah dipinggirkan, tidak dapat difikirkan apakah nasib dan pilihan yang ada buat mereka untuk meneruskan hidup.



LAMPIRAN 16 (SAMB.)
HARIAN METRO (SPEKTRUM): MUKA SURAT 40
TARIKH: 15 JUN 2019 (SABTU)





LAMPIRAN 17
NEW SUNDAY TIMES (WORLD): MUKA SURAT 52
TARIKH: 16 JUN 2019 (AHAD)

'NOT A DUMPING GROUND'

Jakarta returns 5 containers of waste to the US

JAKARTA: Indonesia has returned five containers of rubbish to the United States and will not become a "dumping ground", officials said yesterday, the latest Southeast Asian country to return imported waste.

The containers were supposed to contain only paper scrap, according to the Customs documents. Instead, they were loaded with other waste, including bottles, plastic waste and diapers, said Environment Ministry senior official Sayid Muhadhar.

"This is not appropriate and we don't want to be a dumping ground," he said.

The containers, owned by a Canadian company, were shipped from Seattle in the US to Indonesia's second biggest city Surabaya in late March, Muhadhar said.

It was not immediately clear where the rubbish was from.

Indonesia is examining other containers in Jakarta's port and the city of Batam in Sumatra. It is the latest country to return imported rubbish after Malaysia vowed to ship back hundreds of tonnes of plastic waste last month.

For years, China received the bulk of scrap plastic from around the world, but closed its doors to foreign refuse last year. **AFP**

LAMPIRAN 18
BERITA HARIAN (DUNIA): MUKA SURAT 26
TARIKH: 16 JUN 2019 (AHAD)

61 korban banjir di China

Shanghai: Sekurang-kurangnya 61 mangsa maut, manakala 356,000 penduduk terpaksa dipindahkan akibat hujan lebat dan banjir yang melanda sebahagian besar kawasan di selatan dan tengah China minggu ini.

Kementerian Pengurusan Kecemasan China, dalam satu notis yang dikeluarkan Khamis lalu, berkata 9,300 rumah ditenggelami air, manakala 3.71 juta hektar tanah pertanian musnah akibat banjir.

Kemusnahan itu, katanya, menyebabkan kerugian langsung ekonomi dianggarkan berjumlah 13.35 bilion yuan (RM7.9 bilion).

Beliau berkata, lebih 4,300 orang

diselamatkan akibat banjir yang menjejaskan kawasan dari wilayah Guangdong di sebelah tenggara sehingga ke barat daya Chongqing di hulu sungai Yangtze.

Kemarau di utara

Sebelum ini, setiap kali ketibaan musim panas, kehidupan rakyat China kebiasaannya terjejas akibat kemarau di kawasan utara, manakala banjir di selatan.

Pada masa sama, kementerian itu turut memberi amaran, wilayah utara bakal berdepan paras rendah berikutan proses pemendakan yang dijadualkan berlaku tahun

ini, sementara hujan lebat dijangka meningkatkan risiko banjir di hulu sungai Kuning.

Sementara itu, Suruhanjaya Kebangsaan bagi Kawalan Bencana dan Kementerian Pengurusan Kecemasan sudah mengaktifkan tindak balas kecemasan bantuan bencana tahap empat pada Jumaat lalu.

Ia berikutan hujan lebat yang mengakibatkan banjir di wilayah Guangdong di selatan China.

"Pasukan petugas sudah dihantar ke kawasan terjejas akibat bencana bagi memberikan bantuan," kata kementerian itu dalam satu kenyataan.

REUTERS/AGENSI



LAMPIRAN 19 BERITA HARIAN (DUNIA): MUKA SURAT 26 TARIKH: 16 JUN 2019 (AHAD)

Jakarta pulang sampah ke Amerika

Jakarta: Kementerian Alam Sekitar dan Perhutanan Indonesia kelmarin, melaporkan, bahawa mereka sudah memulangkan lima kontena sampah ke Amerika Syarikat (AS).

Tindakan itu dibuat selepas mendapati kontena yang sepatutnya mengandungi kertas skrap bersih, turut diisi lampin, plastik, kayu, fabrik dan kasut dalam jumlah banyak.

"Pada Jumaat (kelmarin) kami menghantar semula lima kontena ke AS dari Pelabuhan Tanjung Perak (di Surabaya, Jawa Timur).

"Walaupun kontena itu berasal dari Kanada, negara kontena dihantar adalah AS," kata Setiausaha Direktorat Awam Pengurusan Sampah, Sisa dan Sisa Berbahaya, Sayid Muhadhar kepada *The Jakarta Post* baru-baru ini.

Kementerian itu dalam satu kenyataan semalam berkata, lima kontena itu kini dimuatkan dalam kapal kargo Zim Dalian untuk dihantar ke AS.

Terdahulu, Kementerian Perdagangan meluluskan permit kertas skrap bersih yang diimport dalam lima kontena, milik PT Adiprima Suraprinta.

Bagaimanapun, kementerian yang bekerjasama dengan pejabat kastam dan eksais di Pelabuhan Tanjung Perak menemui bendasing dalam kandungan dan mengarahkan kontena 'dieksport semula' ke AS.

"Ini membuktikan bahawa kerajaan komited melindungi Indonesia daripada sampah tidak dikehendaki dari negara lain," kata kementerian itu dalam satu kenyataan.

Kelmarin, pejabat Kastam dan Eksais Batam serta Kementerian Alam Sekitar dan Perhutanan turut meneliti dan memungkah 65 kontena mengandungi sampah plastik dari Amerika Utara dan Eropah di Pelabuhan Batu Ampar di Batam, Pulau Riau.

Mereka mengesyaki kandungan itu mengandungi sisa toksik, lalu bertindak mengambil sampel untuk menjalani ujian makmal, kontena terabit ditutup semula.

AGENSI

[FOTO HIASAN]



Kontena yang sepatutnya mengandungi kertas skrap bersih dipulangkan ke AS.

LAMPIRAN 20
MINGGUAN MALAYSIA (LUAR NEGARA): MUKA SURAT 72
TARIKH: 16 JUN 2019 (AHAD)

Indonesia serah balik sampah AS

■ JAKARTA 15 JUN

SELEPAS Filipina dan Malaysia, Indonesia menjadi negara Asia Tenggara seterusnya menghantar balik sampah sarap yang diletakkan di negara ini ke negara asal.

Detik News melaporkan, Indonesia menghantar sebanyak lima kontena sampah ke Amerika Syarikat (AS) semalam.

Setiausaha Jabatan Pengendalian Sampah, Bahan Buangan, Bahan Beracun dan Berbahaya, Sayid Muhadhar berkata, kesemua sampah tersebut dihantar ke AS menerusi kerjasama antara Kementerian Lingkungan Hidup dan Kehutanan dan Jabatan Kastam dan Cukai.

"Kesemua lima kontena berisi sampah itu dihantar se-

mula ke AS melalui Pelabuhan Tanjung Perak, Surabaya, Jawa Timur.

"Kerja-kerja pemunggahan sampah ke dalam kontena sudah bermula sejak 13 Jun lalu," katanya.

Jelas Sayid, kesemua sampah itu terdiri daripada bahan kertas dan plastik.

"Sampah itu masuk ke negara ini menerusi urusan import. Seharusnya, pengimport hanya boleh membawa bahan buangan kertas yang bersih.

"Namun, sampah yang tiba di negara ini sudah dicemari dengan bahan beracun beserta sisa buangan plastik," ujarnya.

Isu lambakan sampah dari negara asing ke Indonesia pernah mendapat liputan meluas



SEBAHAGIAN daripada 65 kontena mengandungi sampah plastik diperiksa pihak berkuasa Indonesia di pelabuhan Batuampar, Batam, kelmarin. - AGENSI

termasuk daripada Ecological Observations and Wetlands Conservation (Ecoton).

Ecoton turut menghasilkan satu dokumentasi mengenai permasalahan tersebut dan

mendapati AS antara negara yang melambakkan sampahnya ke negara ini. - AGENSI



LAMPIRAN 21 BERITA HARIAN (DUNIA): MUKA SURAT 37 TARIKH: 16 JUN 2019 (AHAD)



Satu 'Superflares' disebut akan menghancurkan rangkaian satelit dunia serta grid kuasa.

Pancaran 'Superflares' matahari ancam bumi

➔ Pakar astronomi ramal fenomena berlaku seabad lagi

St Louis

Pancaran 'Superflares' daripada matahari, yang dianggap satu pemusnah, dilaporkan bakal mengancam Bumi dalam tempoh kira-kira 100 tahun lagi, menurut beberapa pakar astronomi.

Fenomena itu adalah ledakan partikel bercas, tenaga solar dan radiasi kosmik daripada permukaan sebuah bintang.

Pancaran ini disebut mampu memusnahkan seluruh rangkaian satelit, mengganggu komunikasi dan menjebarkan pencawang elektrik di seluruh dunia.

Pancaran berkenaan pada skala sebegini amat jarang, ia berlaku sekali setiap 1,000 tahun atau lebih.

Namun, sekumpulan pakar astronomi di Amerika Syarikat mendapati matahari kita akan melepaskan salah satu pancaran ini, sebelum

tamat abad seterusnya.

Sehingga baru-baru ini, pakar astronomi percaya pancaran 'Superflares' hanya dihasilkan bintang muda dan aktif melepaskan tenaga.

Namun, pasukan penyelidik di Universiti Colorado Boulder (CU Boulder) di AS bimbang bintang yang lebih tua dan lebih senyap seperti matahari kita mampu mengeluarkan pancaran ini.

Menurut salah seorang penyelidik, pendedahan mengejutkan ini adalah peringatan untuk semua manusia di planet ini.

Pancaran jejas fungsi teknologi

Pakar astronomi, Yuta Notsu yang mengetuai kajian berkata pancaran itu dibentangkan pada mesyuarat ke-234 Persatuan Astronomi Amerika di St Louis, Missouri, baru-baru ini.

Menurut pakar angkasa, kemungkinan Bumi berada dalam jangkaan laluan pancaran ini adalah tinggi. Apabila berlaku, pancaran ini akan mematikan fungsi segala teknologi di Bumi sehingga menyebabkan bekalan tenaga terputus secara meluas.

"Kajian kami menunjukkan pancaran 'Superflares' jarang berlaku. Namun, wujud kemungkinan kita mengalami fenomena sama dalam tempoh kira-kira 100 tahun lagi," kata penyelidik pelawat di CU Boulder, Dr Notsu.

Pakar astronomi kali pertama memerhatikan pancaran berkuasa itu hasil teleskop Kepler milik Pentadbir Angkasa dan Aeronautik Nasional (NASA) yang kini sudah tidak digunakan.

Dr Notsu berkata, usia bintang penting dalam menentukan kekerapan pancaran super matahari. Katanya, bintang muda melepaskan pancaran berkenaan sekali seminggu.

"Bintang berusia seperti matahari hanya melepaskan pancaran 'Superflares' sekali dalam setiap 1,000 tahun" katanya.

AGENSI

Info

PANCARAN SOLAR

- ➔ Lapisan luar matahari adalah medan magnetik amat kuat dalam bentuk garisan
- ➔ Kadang-kadang medan magnetik ini berslang, terbelit atau beralih
- ➔ Situasi ini menyebabkan letusan radiasi tenaga spontan ke ruang angkasa



Matahari menghasilkan 'Superflares' setiap 1,000 tahun atau lebih dan boleh ancam dunia.

LAMPIRAN 22
HARIAN METRO (GLOBAL): MUKA SURAT 64
TARIKH: 16 JUN 2019 (AHAD)

MUSYTARI

Planet Musytari kini paling dekat dengan Bumi, boleh dilihat dengan jelas

- Planet terbesar dalam sistem Matahari, yang pertama terbentuk
- Planet paling terang pada waktu malam ketika ini
- Paling besar berbanding planet lain
- 11 kali lebih lebar berbanding Bumi
- Mengambil masa 12 tahun mengelilingi Matahari
- Mempunyai 79 bulan

Gas, sebahagian besarnya hidrogen + helium

Medan magnet yang amat kuat

Berkemungkinan teras batuan

Matahari

Zuhrah

Utarid

Bumi

Marikh

Musytari

Zuhal

Uranus

Neptun

Pluto

Gelungan asteroid

AFP Sumber: NASA



LAMPIRAN 23
NEW SUNDAY TIMES (WORLD): MUKA SURAT 54
TARIKH: 16 JUN 2019 (AHAD)

NEW PROGRAMME

WHO WILL BE THE FIRST WOMAN ON THE MOON?

Candidate for Artemis mission will likely be from among Nasa's roster of 12 female astronauts

WASHINGTON, DC

MORE than 50 years after the end of the Apollo programme, Nasa plans to return to the Moon by 2024 as a "proving ground" to test the next generation of spacecraft ahead of an eventual crewed mission to Mars.

The new programme has been named Artemis after Apollo's twin-sister in Greek mythology, and the space agency has said that the mission will see the first woman to stride the lunar surface.

So, who will she be? No one knows for sure, but it's a likely bet the candidate will be selected from among Nasa's current roster of 12 female astronauts.

They're aged between 40 and 53, and are former military pilots, medical doctors and scientists who were picked from among thousands of applicants since the late 1990s. Predicting who will join Neil Armstrong in the annals of history isn't an exact science, but several former astronauts and experts said the proximity of the deadline mean it probably won't be a new recruit.

"Now personally, I'd be okay with flying a



Nasa astronaut Anne McClain attending her final exam at the Gagarin Cosmonauts' Training Centre in Star City outside Moscow. She is one of 12 Nasa female astronauts expected to be chosen for the agency's Artemis programme. AFP PIC

rookie astronaut to the Moon," former astronaut Eileen Collins, who flew and commanded Space Shuttles in the 1990s and 2000s, said.

"But if you have enough astronauts who have already flown, they know how they're going to react in space. Some go up there and they have symptoms that might interfere with their ability to do the work. But you don't know who that is."

Ken Bowersox, a senior official at Nasa, agreed.

"I think it will be better to send people who have had at least one flight," he said.

That objective will be easier than ever before because there have never been so many women astronauts.

When Nasa was first established in 1958 it only recruited from the military, which was at the time exclusively male.

All 12 moonwalkers between 1969 and 1972 were men, and it wasn't until 1983 that Sally Ride became the first American woman sent to space.

The four women of the 21st class of astronauts, recruited in 2013, represent a good mix of youth and experience. Currently between the ages of 40 and 41, they will all have made their first space forays between now and 2020.

Anne McClain, an ex-army helicopter pilot, will be at the International Space Station (ISS) until the end of June.

Well spoken, with a self-assured gaze and a light smile, she embodies the ineffable "right stuff" of Nasa's early recruits.

Also currently in the ISS is Christina Koch, an engineer and passionate mountain climber. She will soon beat the record for the longest time a woman has been in space, at 11 months.

Back in March, the pair almost conducted the first all-female space walk, but a lack of a proper fitting spacesuit meant McClain had to give her place up for her male colleague Nick Hague.

"I think Christina Koch or Anne McClain would be my two top picks," said Janet Ivey, the presenter of a children's show on space and a governor of the Na-

tional Space Society.

But their two female colleagues from the same class, Jessica Meir, a marine biologist who specialises in penguins and geese, and former F/A 18 fighter pilot Nicole Mann, who flew in Iraq and Afghanistan, are also highly qualified.

They are both in the middle of their training to go to the ISS.

In a 2016 interview, all four declared themselves ready to go to Mars if the opportunity presented itself. It's hard to imagine them turning down a trip to the Moon.

There's no upper age limit for space. The iconic John Glenn made his last flight at the age of 77 as a US senator.

There's nothing therefore excluding the highly experienced Sunita Williams, who is preparing for her third space mission and will be 58 in 2024.

Suni, as she's known, has piloted about 30 different aircraft in her military career.

Two other women, Serena Aunon-Chancellor and Kate Rubins, have also flown to space recently.

The other five haven't flown since 2010 but remain on active duty.

There are five women in the 2017 batch but they have yet to complete their initial training.

They're not ruled out yet, but the calendar isn't on their side - especially since Nasa tends to stick to a cycle of astronauts once their order is set, says Michael Lopez-Alegria, a former astronaut who spent 20 years with the agency.

When it comes down to the final call, though, the process "is fairly opaque," he conceded.

In Houston, the chief astronaut will be keen to build a team whose profiles will be complementary, a mix of ex-military and scientific backgrounds, and of different personalities.

The mission foresees a four-member crew, two of whom will walk the Moon. Why not have two women?

Page 51 pic: Buzz Aldrin standing next to the United States flag on the Moon's Sea of Tranquility in 1969. AFP PIC



3E
Empowering English
in Education

Enhance Your Mastery
of English Through the
NEW STRAITS TIMES.

Sponsor NST copies to selected schools.

Eligible for the government's lifestyle tax relief

For more details on sponsorship programme, contact customer service: **1 300 2 6768** or e-mail: ssp@nstp.com.my

LAMPIRAN 24
BERITA HARIAN (DUNIA): MUKA SURAT 73
TARIKH: 15 JUN 2019 (SABTU)

Suhu cecah 68 Celsius di Kuwait

Kuwait City: Seorang lelaki meninggal dunia, kelmarin di Kuwait akibat kepanasan melampau ketika negara itu berhadapan gelombang kepanasan.

Menurut akhbar *Al Rai*, polis dan ambulans berkejar apabila laporan diterima mengenai lelaki yang sakit, tetapi sudah meninggal dunia apabila mereka sampai.

Laporan forensik menunjukkan mangsa terlampau terdedah kepada matahari.

Sabtu lalu, Kuwait merekodkan suhu tertinggi di dunia, mencecah 52.2 darjah Celsius dalam bayang dan 63 darjah secara langsung, menurut akhbar *Al Qabas*.

Di Arab Saudi, raksa melonjak kepada 55 darjah Celsius di Al Mahmaah pada tengah hari.

Gelombang kepanasan dijangka berterusan sehingga musim panas, yang bermula 21 Jun ini.

Laman web Arabia Weather menyatakan gelombang kepanasan turut melanda Qatar, Bahrain dan Emiriah Arab Bersatu, dengan kepanasan diiringi kadar kelembapan tinggi.

AGENSI

LAMPIRAN 25
UTUSAN MALAYSIA (LUAR NEGARA): MUKA SURAT 40
TARIKH: 15 JUN 2019 (SABTU)

Tiada pelan ambil sisa dari Malaysia

TORONTO 14 Jun - Kanada tidak mempunyai rancangan untuk mengambil semula sisa buangan plastiknya yang kini 'disimpan' di Malaysia.

Lapor Channel News Asia, kerajaan Malaysia sebelum ini menyatakan untuk meluangkan semula kira-kira 3,000 tan sisa buangan bahan plastik ke 14 negara termasuk Kanada, Amerika Syarikat (AS), Jepun, Perancis, Australia dan Britain.

Jurucakap Kementerian Alam Sekitar dan Perubahan Iklim Kanada, Gabrielle Lamontage berkata, Ottawa setakat ini tidak mempunyai perancangan untuk mengambil semula sampah sarap berkenaan dari Malaysia.

Jelasnya, Kanada tidak menerima sebarang maklumat mengenai penghantaran sisa buangan dari negara ini ke Malaysia dan kementerian sudah menghubungi Kuala Lumpur untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Tidak dapat dipastikan berapa jumlah sisa buangan dari

negara ini yang diletakkan di Malaysia.

Sisa buangan dari negara luar telah mencetuskan ketegangan diplomatik dalam tempoh beberapa bulan ini di Asia Tenggara.

Baru-baru ini, Filipina memanggil pulang diplomatnya yang berkhidmat di negara ini susulan Kanada tidak mengambil sisa buangnya dari negara itu mengikut tarikh yang ditetapkan.

Kerajaan Kanada mencapai persetujuan dengan Manila pada bulan lalu untuk mengambil semula sisa buangnya dan kesemua sampah itu dijangka berada di negara ini selewat-lewatnya pada 1 Jun lalu.

Awal minggu ini, Kanada mengumumkan rancangan untuk mengharamkan penggunaan bahan plastik sekali guna seperti penyedut minuman, beg dan perkakas makanan menjelang awal 2021 bagi mengurangkan bahan tidak boleh dikitar semula serta melindungi lautan dunia. - AGENSI



KANADA tidak bercadang untuk mengambil semula sisa bahan buangan plastiknya di Malaysia. - GAMBAR HIASAN